

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)
 Hari/Tarikh: 10/4/2016
 Muka surat: 4

Tajuk : Inisiatif selesai masalah air di pedalaman

4 Utusan Borneo Ahad, 10 April 2016

Inisiatif selesai masalah air di pedalaman

Sistem Ultrafiltration dilihat berbaloi jika diaplikasi kepada keadaan Sarawak, Sabah

Oleh Florence Nervyn

SELANGAU: Pengenalan Sistem Ultrafiltration dikenal pasti berpotensi untuk menyelesaikan masalah bekalan air minuman bersih di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu Belaun berkata, sistem itu menggunakan tenaga suria atau elektrik melibatkan kos lebih kurang RM100,000 seunit dan dilihat sangat berbaloi jika diaplikasi kepada keadaan serta situasi di Sarawak.

“Niat saya memang hendak membawa projek ini kepada seluruh luar bandar di Sarawak dan Sabah tertakluk kepada dana. Di Semenanjung Malaysia, keperluannya mungkin tidak begitu mendesak. Justeru, keutamaan dan tumpuan kita di Sarawak dan Sabah,” jelasnya.

Entulu berkata demikian ketika pemberita selepas merasmikan Demonstrasi Sistem Ultrafiltration untuk Air Minuman di Rumah Senabong, Batu 42, Jalan Sibul-Bintulu, semalam.

Sistem UF direka oleh pasukan kejuruteraan dari Universiti Malaya dengan kerjasama Universiti Malay-



TAKLIMAT: Entulu (kiri) mendengar taklimat ringkas mengenai operasi penghasilan air bersih melalui Sistem Ultrafiltration yang disampaikan oleh Timbalan Dekan UM Profesor Dr Mohamed Kheireddine (dua kanan).

sia Sarawak (UNIMAS) dan dibangunkan oleh Malaysia Innovation Hub (MIH).

Entulu juga Ahli Parlimen Selangau berkata, Sistem Ultrafiltration telah dipasang di Rumah Senabong akan digunakan sebagai percubaan akan dikekalkan kerana telah dibiayai melalui dana disumbangkan Kementerian Pendidikan

Tinggi.

Beliau juga meminta ketua masyarakat di kawasan Parlimen Selangau supaya menghantar senarai rumah panjang bagi tujuan tersebut.

“Saya telah minta senarai rumah panjang dibuat kerana kita tidak dapat memberi setiap rumah panjang berasingan disebabkan kos menjadi

kekangan.

“Apa yang saya rancangkan ialah mencari kelompok rumah panjang dengan isi keluarga dan tumpuan utama kita adalah kawasan terletak jauh dari jalan raya yang kemungkinan besar lambat untuk menerima bekalan air paip,” katanya.

Jelas Entulu, manakala

“Niat saya memang hendak membawa projek ini kepada seluruh luar bandar di Sarawak dan Sabah tertakluk kepada dana.”

Datuk Joseph Entulu Belaun
 Menteri di Jabatan Perdana Menteri

rumah panjang berskala kecil akan dicari jalan alternatif yang mungkin mengekalkan sistem graviti dan sebagainya.

Ketika ditanya mengenai perbandingan Sistem Ultrafiltration dengan Life Saver, Entulu menjelaskan, dalam jangka masa panjang dari segi kos sistem itu berbaloi berbanding Life Saver yang memerlukan kos penyelenggaraan.

“Di Selangau, saya mendapati beberapa unit Life Saver sampai hari ini belum digunakan walaupun sudah dipasang. Ini kerana orang kampung masih belum begitu pandai menggunakannya walaupun diterangkan bagaimana operasinya. Sistem Ultrafiltration sangat mudah digunakan dengan menekan suis pasang tutup,” katanya.

Rumah Senabong menjadi rumah panjang pertama di

Sarawak menggunakan Sistem Ultrafiltration.

Pembangunan sistem ini dibiayai melalui geran Kementerian Pegajian Tinggi dan menghasilkan prototaip berfungsi yang diuji di beberapa lokasi di Malaysia, termasuk Termerloh, Pahang semasa banjir pada akhir tahun 2014.

Hadir sama ialah Timbalan Dekan UM Profesor Dr Mohamed Kheireddine Aroua, Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia UM Prof Ir Dr Mohd Azlan Hussain, Pengarah Bahagian Hubungan Industri Kementerian Pendidikan Tinggi Profesor Madya Dr Arham Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif MIH Vincent Wong Wai Sang dan Dr Nazeri Abdul Rahman dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Kemampanan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan UNIMAS.